

TRANSFORMASI GAYA RAMBUT

PANDUAN
PRAKTIS
UNTUK GAYA
TERKINI

Trend Terkini

GUNTINGAN RAMBUT WANITA

NOOR FARDZILAWATI MD NASIR

SENTRUHAN KECANTIKAN SEJATI





Trend Terkini

GUNTINGAN RAMBUT WANITA

Penulis

NOOR FARDZILAWATI MD NASIR



Esi **KANDUNGAN**

01 **PENDAHULUAN**

Pengenalan tentang guntingan rambut wanita dan kepentingan guntingan rambut dalam penampilan dan gaya hidup

02 **JENIS-JENIS GUNTINGAN RAMBUT WANITA**

Guntingan Rambut Pendek ,Guntingan Rambut Layer, Guntingan Rambut Panjang

03 **FAKTOR YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN**

Bentuk wajah dan struktur rambut, gaya hidup dan keperluan rawatan rambut, peribadi dan gaya individu

04 **TEKNIK GUNTINGAN RAMBUT**

Tips memilih guntingan yang sesuai mengikut bentuk wajah, jenis rambut dan faktor yang lain

05 **PENJAGAAN DAN PEMELIHARAAN GUNTINGAN RAMBUT**

Tips merawat rambut setelah menggungting



Noor Fardzilawati Binti Md Nasir

Pensyarah
Kolej Komuniti Muar
Kementerian Pendidikan Tinggi
Malaysia



Penulis

PRAKATA

Alhamdulillah

Lafaz syukur diucapkan ke hadrat ilahi kerana dengan izinNYA ebook "TREND TERKINI GUNTINGAN RAMBUT WANITA" telah berjaya dihasilkan. Ebook ini dihasilkan untuk memberikan pengetahuan yang komprehensif, inspirasi kreatif, dan panduan praktis kepada pembaca tentang guntingan rambut wanita yang memberi informasi yang ringkas dan padat serta berguna kepada institusi pendidikan mahupun dalam kalangan industri dandanan rambut.

Ebook ini juga memberi panduan yang mudah difahami tentang pelbagai jenis guntingan rambut wanita, teknik-teknik popular, serta cara terbaik untuk menjaga rambut. Sama ada anda baru ingin mencuba belajar menggunting rambut atau seorang profesional yang mencari inspirasi baru, panduan ini akan membantu anda memahami segala-galanya dari guntingan rambut pendek, guntingan rambut layer dan guntingan rambut panjang. Dapatkan tips berguna untuk menjaga rambut anda agar kekal cantik dan sihat, serta panduan penjagaan rambut selepas menggunting.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan serta sokongan padu bagi menjayakan penerbitan buku ini. Semoga ebook ini memberi anda ilmu dan keyakinan untuk bereksperimen dengan guntingan rambut yang baru dan meyakinkan.

Selamat membaca dan selamat mencuba!

Noor Fardzilawati Md Nasir





B **A** **B**

PENGENALAN

PENGENALAN GUNTINGAN RAMBUT WANITA

Guntingan rambut adalah suatu bentuk seni yang tidak hanya melibatkan guntingan rambut, tetapi juga merupakan cara untuk mengekspresikan diri dan mencipta identiti. Dalam dunia yang sentiasa berubah, gaya rambut sering kali mencerminkan personaliti, trend semasa, dan bahkan emosi seseorang. Dari guntingan klasik yang elegan hingga gaya moden yang berani, setiap pilihan gaya mempunyai makna tersendiri dan mampu memberi impak yang besar pada penampilan seseorang.

Dalam konteks budaya, guntingan rambut wanita telah mengalami transformasi yang menarik. Dulu, guntingan rambut mungkin lebih dipengaruhi oleh norma sosial dan tradisi, tetapi kini, wanita bebas untuk meneroka pelbagai gaya tanpa batasan. Setiap perubahan pada gaya rambut bukan hanya sekadar penampilan luar, tetapi juga satu langkah menuju pengukuhan jati diri.

Ebook ini bertujuan untuk memberi panduan menyeluruh tentang seni guntingan rambut wanita. Dari sejarah dan jenis guntingan, hingga teknik dan cara menjaga rambut selepas guntingan, setiap bahagian dirancang untuk membantu pembaca memahami dan menghargai keindahan dan kepentingan proses ini. Kami juga akan menjelajahi bagaimana memilih gaya rambut yang sesuai berdasarkan bentuk wajah dan jenis rambut, serta trend terkini yang sedang popular di kalangan wanita..



SEJARAH GUNTINGAN RAMBUT WANITA



1. ZAMAN PURBA

- Mesir Kuno: Wanita Mesir purba terkenal dengan gaya rambut yang elaboratif, menggunakan pelbagai aksesori seperti sanggul dan jalinan. Guntingan rambut bukan hanya untuk penampilan, tetapi juga sebagai simbol status dan kekayaan.
- Greece dan Rom: Di zaman Yunani dan Rom, rambut panjang dianggap simbol kecantikan feminin. Wanita sering mengubah gaya rambut mereka dengan alat penggaya untuk mencipta pelbagai bentuk seperti jalinan dan ikatan.



2. ABAD PERTENGahan

- Dalam masyarakat Eropah, rambut wanita sering ditutup atau diikat dalam bentuk tertentu. Guntingan biasanya terhad kepada pemeliharaan kebersihan. Penampilan sering dipengaruhi oleh status sosial; wanita bangsawan biasanya mempunyai lebih banyak kebebasan dalam gaya rambut.



3. ABAD KE-19

- Gaya rambut Victorian memperlihatkan penggunaan aksesori seperti topi dan hiasan. Guntingan rambut menjadi lebih praktikal, dengan guntingan yang lebih sederhana untuk keselesaan dan keperluan harian.



4. ABAD KE-20

- 1920-an: Guntingan *bob* menjadi ikonik, menandakan perubahan dalam norma gender dan kebebasan wanita. Wanita mula mengamalkan gaya yang lebih maskulin dan berani.
- 1950-an dan 1960-an: Gaya rambut kembali menjadi lebih feminin dengan penekanan pada gelombang dan *volume*. Rambut panjang menjadi simbol feminin.
- 1970-an dan 1980-an: Era ini ditandai dengan pelbagai gaya eksperimental seperti *punk* dan *bohemian*. Guntingan rambut menjadi medium untuk menyampaikan mesej politik dan sosial.



5. ZAMAN MODEN

- Hari ini, guntingan rambut wanita telah berkembang menjadi lebih inklusif dan pelbagai. Wanita bebas untuk mengeksplorasi gaya yang mencerminkan identiti mereka, tanpa terikat kepada norma tradisional. *Trend* global dan media sosial memainkan peranan penting dalam menyebarkan pelbagai gaya dan teknik.





JENIS GUNTINGAN RAMBUT WANITA

JENIS GUNTINGAN RAMBUT WANITA

KLASIK

Gaya klasik Bob dan Pixie.

Bob~Guntingan yang sejajar dengan rahang atau sedikit di atas bahu. Biasanya dibuat dalam variasi lapisan.

Pixie~Guntingan rambut pendek yang biasanya lebih pendek di belakang dan lebih panjang di bahagian depan.



MODERN

Layered dan *shag*

Layered~Gaya di mana rambut dipotong dalam lapisan, mencipta tekstur dan volume.

Shag~Sesuai untuk pelbagai jenis rambut; memberikan penampilan yang bohemian dan bebas.



TRENDY

Undercut dan *Asymetrical*

Undercut~Guntingan di mana bahagian bawah rambut dicukur pendek, sementara bahagian atas dibiarkan lebih panjang.

Asymetrical~Guntingan yang tidak simetri, dengan satu sisi lebih pendek daripada sisi lain.

Setiap jenis gaya guntingan rambut mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri. Memilih gaya yang tepat bukan hanya berdasarkan trend, tetapi juga mempertimbangkan bentuk wajah, jenis rambut, dan gaya hidup peribadi. Dalam ebook ini, kami akan membincangkan cara memilih gaya yang sesuai serta teknik yang digunakan dalam guntingan rambut.



*Alatan & Bahan
Guntingan
Rambut Wanita*

Alatan & Bahan Guntingan



Sectioning clips

Mengelip rambut bagi mendapatkan pembahagian rambut.



Cutting Cape

Menutup baju pelanggan bagi mengelakkan sisa rambut yang digunting dari terlekat pada baju pelanggan.

Hairdryer

Meniup kering rambut dan membuang sisa rambut yang telah digunting.



Shampoo

Membuang sisa-sisa kotoran dan habuk pada rambut pelanggan selepas menggunting rambut pelanggan.

Normal Scissor

Menggunting dan memendekkan rambut. Rambut yang dihasilkan adalah menegak mengikut garis yang digunting.



Sikat Gunting

- Sikat besar sesuai digunakan untuk mengawal rambut semasa menggunting.
- Sikat yang jarak gigi jarang dan besar dapat mengurangkan tarikan apabila menyikat.
- Sikat kecil dan jarak gigi yang rapat mempunyai tarikan yang kuat semasa menyikat.



Water Spray

Membasahkan rambut pelanggan bagi memudahkan proses menggunting.

Thinning Scissor

Menipiskan rambut mengikut kehendak pelanggan.



Conditioner

Melembut dan merapi rambut pelanggan.

ALATAN & BAHAN GUNTINGAN


WORD SEARCH

Sila cari alatan & bahan dalam
guntingan rambut.



ANATOMY OF THE HEAD

KENAPA PERLU TAHU?



MEMAHAMI BENTUK KEPALA & WAJAH

Setiap individu mempunyai bentuk kepala dan wajah yang berbeza. Dengan memahami struktur tulang tengkorak, kontur wajah, dan ciri-ciri seperti garis rahang atau dahi, seorang tukang gunting rambut dapat menyesuaikan potongan rambut mengikut bentuk wajah klien. Contohnya, potongan rambut tertentu boleh menyerlahkan atau menyeimbangkan ciri-ciri wajah seperti dagu, pipi, atau garis rahang.

1

2

MENENTUKAN ARAH RAMBUT

Anatomi kepala membantu tukang gunting rambut mengenal pasti arah tumbuhnya rambut pada setiap bahagian kepala. Rambut tumbuh dengan arah yang berbeza di bahagian depan, tepi, belakang, dan atas kepala. Dengan mengetahui arah tumbuh rambut, tukang gunting boleh menggunting rambut mengikut arah tersebut supaya hasilnya lebih natural dan kemas.

MENCEGAH GUNTINGAN TIDAK SEKATA

Memahami anatomи kepala membolehkan tukang gunting mengelakkan kesilapan dalam pemotongan yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan, seperti potongan yang lebih pendek di sebelah atau bahagian kepala yang kelihatan tidak rata. Dengan panduan anatomи kepala, pemotongan akan lebih simetri dan seimbang.

3

4

MENYESUAIKAN TEKNIK GUNTINGAN

Teknik guntingan boleh berbeza-beza bergantung kepada bahagian rambut yang digunting (contohnya bahagian atas, sisi, atau belakang). Dengan pengetahuan tentang anatomи kepala, tukang gunting rambut dapat memilih teknik yang sesuai, seperti teknik "over-direction" untuk menambah volume atau "point cutting" untuk mencipta tekstur yang lebih halus.

MENGELAKKAN BAHAGIAN KEPALA YANG SENSITIF

Beberapa bahagian kepala, seperti tenguk belakang atau kawasan berhampiran telinga, lebih sensitif atau mudah cedera semasa menggunakan alat guntingan rambut. Dengan memahami anatomи kepala, tukang gunting rambut dapat bekerja dengan lebih berhati-hati di kawasan tersebut dan memastikan keselesaan pelanggan.

5

6

MEMBANTU MENETUKAN GUNTINGAN YANG SESUAI

Guntingan rambut yang mengikuti garis kontur kepala menghasilkan guntingan yang lebih semula jadi, sesuai dengan bentuk wajah dan tubuh seseorang. Pengetahuan tentang anatomи kepala membolehkan tukang gunting rambut menyesuaikan panjang, tekstur, dan gaya guntingan yang sesuai dengan keinginan pelanggan.



*PERKARA ASAS SEBELUM
MENGGUNTING
RAMBUT*

Sudut Guntingan 0°

Penerangan: Guntingan pada sudut 0° adalah guntingan yang paling rata dan mendatar, di mana rambut digunting secara lurus dengan arah tumbuhnya (tidak ada pengalihan).

Kesan: Hasilnya adalah guntingan yang sangat rata dan berat di sepanjang hujung rambut, sering digunakan untuk menghasilkan gaya guntingan lurus (bob) atau untuk mengekalkan panjang rambut yang sama di seluruh bahagian kepala.

Penggunaan: Guntingan rambut yang simetri dan tebal, contohnya bob.



Sudut Guntingan 45°

- **Penerangan:** Sudut 45° biasanya digunakan apabila rambut ditarik ke arah depan atau sisi, dan gunting diposisikan pada sudut ini untuk menghasilkan guntingan yang sedikit condong.
- **Kesan:** Memberikan lapisan yang lebih lembut dan tekstur yang lebih semulajadi. Guntingan ini boleh menambah volume di bahagian bawah rambut.
- **Penggunaan:** Guntingan rambut berbentuk A-line, di mana rambut di belakang lebih panjang dan semakin pendek di bahagian depan.



Sudut Guntingan 90°

- **Penerangan:** Pada sudut 90°, rambut ditarik tegak lurus dari kepala (secara mendatar atau vertikal) sebelum digunting.
- **Kesan:** Guntingan ini menghasilkan lapisan yang lebih ketara dan lebih terstruktur. Ia memberikan *volume* yang lebih di bahagian atas kepala dan menghasilkan bentuk yang lebih penuh dan terbentuk.
- **Penggunaan:** Sudut ini sering digunakan untuk guntingan lapisan yang lebih dramatis atau gaya yang lebih terbentuk, seperti dalam guntingan rambut *layer bob*.



Sudut Guntingan 180°

Penerangan: Pada sudut ini, rambut ditarik dengan sudut yang lebih tegak dari kepala, menjadikannya lebih tegap atau menegak.

Kesan: Guntingan pada sudut ini menghasilkan tekstur yang lebih ringan dan nipis pada hujung rambut, kerana rambut digunting dengan pengalihan yang lebih tinggi. Ia memberikan kesan yang lebih longgar dan bebas, dengan lebih banyak pergerakan pada rambut.


Penggunaan: Digunakan untuk menghasilkan lapisan yang sangat ringan dan pergerakan bebas pada rambut, atau untuk menghasilkan guntingan dengan banyak perbezaan panjang.

Mengapa perlu tahu sudut guntingan ?




1. **Sudut** merujuk kepada sudut atau penjuru yang terbentuk ketika rambut digunting. Istilah ini biasanya digunakan untuk menggambarkan arah dan teknik guntingan yang menghasilkan tekstur atau bentuk tertentu pada rambut.
2. Teknik guntingan rambut dengan sudut yang berbeza ini membolehkan *stylist* mencipta pelbagai gaya, dari guntingan yang lebih tajam hingga yang lebih lembut atau berbentuk.

AKTIVITI






FAKTOR YANG PERLU
DIPERTIMBANGKAN



01

SESUAIKAN DENGAN BENTUK WAJAH

Bentuk wajah anda menjadi salah satu faktor penting yang harus diperhatikan sebelum menggunting rambut kerana guntingan rambut tertentu mungkin tidak sesuai dengan bentuk wajah anda.



Jenis Guntingan Rambut Berdasarkan Bentuk Wajah

01

Wajah Bulat

- **Guntingan:** Guntingan yang lebih panjang, seperti lob atau potongan berlapis, boleh memberikan ilusi wajah yang lebih panjang.
- **Panjang:** Hindari guntingan yang terlalu pendek, seperti (bob) yang pendek, kerana ia boleh menambah lebar wajah.



02

Wajah Panjang

- **Guntingan:** Guntingan berlapis dengan (bangs) atau (ponies) boleh membantu menyeimbangkan wajah.
- **Panjang:** Gaya yang lebih pendek di bahagian sisi akan menambah lebar.



03

Wajah Segitiga

- **Guntingan:** Guntingan yang berlapis di bahagian atas dan lebih penuh di bahagian bawah membantu menyeimbangkan sudut wajah.
- **Panjang:** Gaya yang lebih panjang di sekitar dagu boleh membantu melembutkan bentuk wajah.



Jenis Guntingan Rambut Berdasarkan Bentuk Wajah

04

Wajah Persegi

- **Guntingan:** Guntingan berlapis dengan tekstur di bahagian atas dan (bangs) yang lembut boleh membantu melembutkan sudut wajah.
- **Panjang:** Elakkan guntingan yang terlalu lurus, kerana ia boleh menegaskan garis rahang.



05

Wajah Hati

- **Guntingan:** Guntingan dengan lapisan di bahagian bawah atau (bangs) yang lembut boleh membantu menyeimbangkan bahagian dahi yang lebar.
- **Panjang:** Gaya yang lebih penuh di bahagian bawah membantu menambah lebar di sekitar dagu.



06

Wajah Oval

- **Guntingan:** Wajah oval biasanya serasi dengan pelbagai gaya. Guntingan panjang atau pendek, dengan atau tanpa (bangs).
- **Panjang:** Boleh mencuba hampir semua jenis guntingan, tetapi elakkan guntingan yang terlalu pendek jika ingin mengekalkan keseimbangan.





Uji Kefahaman



02

JENIS RAMBUT

Jenis anda menjadi salah satu faktor penting yang harus diperhatikan sebelum menggunting rambut agar gaya yang dihasilkan bersesuaian dengan tekstur dan bentuk asal rambut anda.



TEBAL ATAU NIPIS

Rambut tebal memerlukan guntingan yang lebih ringan untuk mengurangi *volume*, sementara rambut nipis mungkin lebih sesuai dengan guntingan yang memberi *volume*.



LURUS, BERGELOMBANG ATAU KERITING


Pastikan guntingan rambut sesuai dengan tekstur semulajadi rambut anda. Rambut keriting seringkali memerlukan teknik guntingan khusus agar tidak mengembang atau membuat bentuk wajah terlihat lebih besar.



03

FAKTOR LAIN

Gaya hidup dan aktiviti
Keperibadian
Ketinggian badan
Trend dan Inspirasi Gaya
Kesihatan rambut
Warna rambut



Faktor-faktor Yang Lain

Sebelum menggunting rambut, sangat penting untuk mempertimbangkan semua faktor di bawah, seperti bentuk wajah, tekstur rambut, gaya hidup, dan perawatan rambut. Jika masih ragu, boleh mendapatkan konsultasi dengan (stylist) atau penata gaya rambut profesional. Mereka dapat memberikan nasihat yang lebih spesifik dan membantu memilihkan gaya rambut yang sesuai dengan karakter peribadi anda.



Gaya hidup dan aktiviti

- Aktiviti Harian:** Jika anda memiliki gaya hidup aktif contohnya, sering senaman atau bekerja di lapangan, guntingan rambut yang mudah diuruskan dan tidak memerlukan banyak perawatan dan lebih praktikal ialah seperti (pixie cut) atau (bob) yang ringkas.
- Pekerjaan:** Jika anda bekerja di ruangan formal, anda mungkin ingin memilih guntingan yang lebih klasik dan profesional seperti (bob) atau (layered long bob).

Ketinggian badan

- Wanita dengan tubuh pendek atau kecil biasanya lebih sesuai dengan guntingan rambut yang tidak terlalu panjang atau bervolume agar tidak membuat tubuh terlihat lebih kecil.
- Wanita dengan tubuh tinggi sesuai dengan guntingan rambut lebih panjang dan bergelombang yang memberikan keseimbangan pada postur tubuh.

Kesihatan rambut

Jika rambut dalam keadaan rosak atau rapuh, pertimbangkan untuk menggunting agar lebih sihat. Bob cut atau layered cut boleh membantu mengurangkan rambut bercabang dan memberikan penampilan lebih segar. Jika rambut sangat nipis atau rapuh, pilihan gaya yang tidak memerlukan banyak penggayaan atau pemanasan boleh membantu menghindari kerrosakan menjadi lebih teruk.

Keperibadian

Guntingan rambut juga mencerminkan keperibadian dan gaya peribadi anda. Beberapa orang mungkin lebih suka guntingan yang lebih feminin dan lembut, sementara yang lain mungkin memilih gaya yang lebih berani. Pastikan gaya rambut yang dipilih mencerminkan siapa diri anda.

- Gaya feminin: Guntingan rambut panjang dengan layer lembut atau rambut bergelombang.
- Gaya berani: Guntingan (pixie, bob asymmetric), atau gaya rambut dengan warna dan tekstur yang lebih berani.

Trend dan Inspirasi Gaya

Walaupun tidak ada salahnya mengikuti trend, pastikan guntingan rambut yang anda pilih sesuai dengan selera peribadi dan tidak hanya disebabkan popular. Dapatkan inspirasi dari selebriti, pempengaruh atau koleksi gambar gaya rambut yang sesuai dengan bentuk wajah dan keperibadian anda.

Warna rambut


Warna rambut juga berpengaruh pada guntingan yang anda pilih. Guntingan rambut yang terstruktur dengan baik akan lebih menonjol jika dipadukan dengan warna rambut yang cerah atau kontra. Jika anda merancang untuk mengubah warna rambut setelah melakukan guntingan, pastikan gaya guntingan tersebut akan nampak cantik dengan warna baru.




TEKNIK GUNTINGAN
RAMBUT

TEKNIK PEMBAHAGIAN RAMBUT


PEMBAHAGIAN 2 SECTION



PEMBAHAGIAN 4 SECTION



PEMBAHAGIAN 5 SECTION



Teknik Guntingan Rambut

Terdapat pelbagai teknik guntingan yang biasanya digunakan untuk guntingan rambut wanita.

BLUNT CUT

- teknik blunt cut biasanya digunakan untuk menggunting “bob” atau rata
- sesuai untuk semua model



NOTCHING

- guntingan dengan menggunakan hujung gunting
- standard ukuran ialah panjang = 1 cm dan lebar = 1 cm
- teknik ini biasanya dilakukan pada hujung rambut



WEAVING

- gerakan tangan lurus menghasilkan sedikit hujung rambut yang melengkung
- gerakan tangan melengkung menghasilkan hujung rambut lebih banyak yang melengkung

SLIDING

- gerakan tangan lurus menghasilkan sedikit hujung rambut yang melengkung
- gerakan tangan melengkung menghasilkan hujung rambut lebih banyak yang melengkung



CHOPPING

- gerakan gunting sangat mempengaruhi hasil chopping yang cantik
- teknik ini digunakan untuk penipisan pada bahagian hujung rambut




CURVING

- sama seperti notching tapi posisi gunting di atas jari tangan.

STROKE

- salah satu teknik untuk menghasilkan tekstur
- terdapat dua jenis iaitu:-
 - *in stroke* - melengkung ke dalam
 - *out stroke* - swing keluar



TEKNIK “W”

- memberi kesan *layer/shaggy* pada hujung rambut
- diaplikasikan pada bahagian tepi rambut

A close-up, vertical photograph of a woman's face and upper shoulders. She has long, dark brown hair that is straight and falls over her shoulders. Her gaze is directed towards the camera with a soft expression. She is wearing a black, V-neck top. The lighting is soft, highlighting her skin and the texture of her hair.

GUNTINGAN RAMBUT PANJANG

ONE LENGTH STRAIGHT CUT

V SHAPE HAIR CUT

Step by Step

One Length Straight Cut



STEP BY STEP

ONE LENGTH STRAIGHT CUT



SEDIAKAN ALAT & BAHAN

Pastikan anda mempunyai semua alat yang diperlukan sebelum memulakan guntingan. Pastikan gunting rambut yang digunakan adalah tajam agar guntingan lebih kemas.



BASAHKAN RAMBUT

Rambut harus dibasahkan terlebih dahulu menggunakan penyembur air atau basuh rambut dahulu, kerana rambut basah lebih mudah digunting dan lebih rata. Rambut perlu disikat dengan rata supaya tidak ada simpul atau kekusutan.



BAHAGIKAN RAMBUT

Bahagikan rambut kepada beberapa bahagian untuk memudahkan guntingan. Gunakan klip rambut untuk memegang bahagian yang tidak digunting.

Bahagian rambut dibahagikan kepada 4 bahagian: dua di sebelah kiri dan kanan, dan dua di belakang (atas dan bawah).



STEP BY STEP

ONE LENGTH STRAIGHT CUT

4

TENTUKAN PANJANG GUNTINGAN


Tentukan panjang yang ingin digunting. Pastikan panjang rambut di setiap bahagian adalah sama panjang. Anda boleh menggunakan jari untuk mengukur panjang rambut yang hendak digunting dan pastikan panjang tersebut sesuai dengan citarasa anda.



5

MULAKAN GUNTINGAN DARI BELAKANG

Mulakan guntingan pada bahagian belakang kepala. Ambil sebahagian rambut kecil (1-2 inci) pada bahagian belakang dan gunting mengikut panjang yang telah anda tentukan. Pastikan guntingan dilakukan dengan hati-hati dan pastikan setiap helai rambut digunting secara lurus.



6

GUNTING SECARA LURUS

Setelah bahagian belakang siap, teruskan dengan guntingan pada bahagian kiri dan kanan rambut. Untuk memastikan guntingan lurus, ambil sedikit rambut dari belakang dan gunakan sebagai panduan untuk menggunting bahagian depan. Gunting rambut di sisi dengan menggunakan rambut belakang sebagai ukuran panjang. Pastikan guntingan dilakukan dengan perlahan-lahan dan tepat agar hasilnya kelihatan rapi.






7

PERIKSA KESERAGAMAN

Setelah semua bahagian rambut digunting, semak guntingan anda di depan cermin. Pastikan panjang rambut di seluruh bahagian adalah sama dan lurus. Jika terdapat sebarang ketidaksempurnaan atau perbezaan panjang, betulkan dengan sedikit guntingan.

8 BERSIHKAH & PENJAGAAN AKHIR



Setelah selesai, sikat rambut dengan lembut dan periksa jika ada bahagian yang tidak digunting dengan sempurna. Pastikan rambut kelihatan rata dan tidak ada hujung yang tidak digunting dengan baik. Anda boleh mengeringkan rambut dengan pengering rambut (hair dryer) atau membiarkan ia kering secara semula jadi untuk melihat hasil guntingan sebenar.



Tips Tambahan
• • •

- Pastikan rambut digunting dalam keadaan basah supaya anda dapat melihat panjang sebenar dan untuk mengelakkan sebarang kesilapan.
- Jika anda tidak yakin dengan teknik guntingan, disarankan untuk mendapatkan bantuan daripada seorang pendandan rambut profesional.
- Sentiasa gunakan gunting yang tajam untuk mengelakkan hujung rambut menjadi bercabang.

Video Tutorial





Step by Step V Shape Hair Cut

Guntingan rambut V-shape adalah salah satu gaya rambut yang digemari ramai kerana memberikan bentuk yang cantik dan elegan, dengan hujung rambut yang berbentuk seperti huruf "V". Gaya ini memberikan kesan lapisan (layer) yang menonjol pada hujung rambut dan sangat sesuai untuk rambut panjang.





1

BAHAGIKAN RAMBUT

- Mulakan dengan membahagikan rambut kepada beberapa bahagian kecil. Gunakan klip rambut untuk mengikat rambut di bahagian atas dan biarkan rambut di bahagian bawah terlepas.
- Pastikan rambut dibahagikan secara simetri untuk memastikan guntingan yang rata dan seimbang.

2

MEMBUAT GARIS PANDUAN

- Tentukan panjang rambut yang diinginkan. Biasanya, guntingan V-shape dibuat pada rambut yang panjang, jadi pastikan anda memilih panjang yang sesuai dengan bentuk wajah dan gaya peribadi.
- Mulakan dari bahagian belakang rambut dan buat garis guntingan pertama yang akan menjadi panduan untuk guntingan seterusnya. Gunting sedikit rambut pada bahagian tengah belakang (di antara dua telinga) untuk memberi petunjuk panjang.



3

GUNTING HUJUNG RAMBUT SECARA "V"




- Ambil sedikit rambut di bahagian belakang dan gunting secara diagonal ke arah luar untuk membentuk hujung berbentuk "V".
- Pastikan kedua-dua sisi (kanan dan kiri) simetri dengan panjang yang sama dan membentuk sudut "V" di hujung rambut.
- Guntingan ini akan memberi kesan lapisan yang lebih ringan pada bahagian bawah rambut.



4

GUNTING LAPISAN (LAYER) DI SISI

- Selepas membuat bentuk "V" pada bahagian belakang, teruskan ke sisi kiri dan kanan.
- Ambil sedikit rambut dari sisi kiri dan kanan dan pastikan ia sejajar dengan garis guntingan di bahagian belakang. Gunting secara *diagonal* untuk mencapai kesan lapisan yang halus dan lembut.
- Pastikan kedua-dua sisi rambut simetri dan seimbang dengan hujung yang berbentuk "V" di bahagian belakang.



5

PASTIKAN KESIMETRIAN

- Setelah menggunting bahagian kiri dan kanan, semak semula kesimetrian dengan melihat rambut dari belakang dan pastikan guntingan V di bahagian belakang kelihatan jelas dan simetri di kedua-dua sisi.
- Periksa panjang rambut di setiap sisi, dan sesuaikan jika ada bahagian yang tidak rata.



6

FINISHING DENGAN LAYER TAMBAHAN



- Jika anda ingin *layer tambahan* pada rambut, anda boleh menambah sedikit *layer* di bahagian atas rambut untuk memberi *volume* dan tekstur.
- Gunakan gunting bergerigi untuk memberi tekstur pada hujung rambut, menjadikannya lebih ringan dan tidak terlalu berat.



7

SIKAT DAN PERIKSA HASIL AKHIR

- Sikat rambut dengan lembut untuk melihat hasil akhirnya. Pastikan hujung rambut membentuk *V-shape* yang cantik dan simetri.
- Jika perlu, rapikan guntingan dengan gunting atau *trimming* untuk memastikan ia kelihatan kemas dan rapi.
- Anda boleh menggunakan produk rambut seperti *mousse* atau *serum* untuk memberikan kilauan dan *volume* pada rambut.



TIP TAMBAHAN

- **Keserasian dengan Bentuk Wajah:** Guntingan *V-shape* sangat sesuai untuk wajah yang berbentuk oval, bujur atau bentuk hati. Ia membantu menonjolkan bentuk muka dan memberikan ilusi wajah yang lebih panjang dan langsing.
- **Menggunakan Gunting Bergerigi:** Untuk memberi kesan lebih ringan dan mengurangkan kesan rambut "terlalu tebal", gunting bergerigi boleh digunakan untuk merapikan hujung rambut agar lebih berserabut.
- **Rambut Bergelombang atau Lurus:** Guntingan *V-shape* juga sangat sesuai untuk kedua-dua jenis rambut lurus dan bergelombang serta memberikan lebih banyak definisi pada lapisan hujung.








GUNTINGAN LAYER

LAYER 90 DARJAH

LAYER 180 DARJAH



STEP BY STEP

Layer 90 Haircut

Step By Step Layer 90

1

BAHAGIKAN RAMBUT

Pisahkan rambut kepada beberapa bahagian menggunakan klip rambut. Bahagikan rambut kepada empat bahagian utama: depan kiri, depan kanan, belakang kiri, dan belakang kanan.



2

MULAKAN DARI BAHAGIAN BELAKANG

Ambil sekumpulan rambut kecil dari bahagian belakang (biasanya bermula di tengah). Pegang rambut tersebut dengan kedudukan tegak 90 darjah (menghadap ke atas) dari kepala. Tentukan panjang *layer* yang dikehendaki dan gunting rambut pada sudut 90 darjah dari kulit kepala. Pastikan guntingan lurus.



3

ULANGI PADA BAHAGIAN KIRI & KANAN BELAKANG

Teruskan dengan cara yang sama untuk bahagian belakang kiri dan kanan rambut. Pastikan setiap lapisan diselaraskan dengan lapisan yang telah digunting sebelumnya.

4

SAMBUNG KE BAHAGIAN DEPAN

Setelah bahagian belakang selesai, pindah ke bahagian depan rambut. Sama seperti bahagian belakang, ambil sekumpulan kecil rambut dari bahagian depan, pegang rambut pada sudut 90 darjah dan gunting. Ulangi langkah yang sama untuk setiap bahagian depan kiri dan kanan.



Step By Step Layer 90

5 RAPIKAN RAMBUT

Gunakan sikat untuk merapikan rambut dan pastikan tiada rambut yang tertinggal atau tidak kemas.



6 GUNAKAN BAHAN PENGGAYAAN RAMBUT

Sapukan serum atau minyak rambut untuk memastikan rambut kelihatan berkilat dan sihat selepas digunting.



7 LANGKAH AKHIR

Semak guntingan *layer* dari berbagai sudut dan pastikan guntingan tersebut sesuai dengan bentuk wajah dan panjang yang diinginkan.

“Teknik guntingan *layer* 90 darjah ini memberikan kesan volume dan pergerakan pada rambut, serta mengurangkan berat rambut agar ia kelihatan lebih ringan dan bergaya.”





Video Tutorial

Step By Step



GUNTINGAN
LAYER
180 DARJAH

1 Persediaan

- Bersihkan dan basahkan rambut- Cuci rambut dengan syampu dan conditioner, kemudian lap dengan tuala sehingga tidak terlalu basah. Guntingan layer 180 derjah lebih mudah dilakukan pada rambut yang sedikit lembap.
- Bahagikan rambut - Sebelum mula menggunting, bahagikan rambut kepada beberapa bahagian supaya lebih mudah diuruskan. Biasanya, bahagikan rambut kepada empat bahagian: atas kiri, atas kanan, bawah kiri, dan bawah kanan.
- Pastikan gunting tajam- Pastikan gunting yang digunakan tajam supaya hasil guntingan lebih kemas dan mudah.



2 Buat Guideline

Mulakan dengan menentukan garis panduan (guideline) yang akan menjadi petunjuk sepanjang proses guntingan. Garis panduan biasanya dibuat pada bahagian belakang rambut (tulang tengkuk) untuk memastikan keseragaman panjang layer.



Gunting bahagian belakang

- Ambil sekumpulan rambut dari bahagian belakang kepala dan sikat dengan rapi.
- Tentukan panjang layer pertama yang ingin dihasilkan (biasanya lapisan pertama lebih pendek).
- Gunakan teknik guntingan lurus atau sedikit bersudut untuk mendapatkan lapisan yang teratur.
- Gunting rambut secara menegak dari arah tulang tengkuk ke atas dan ikuti garis panduan yang telah dibuat tadi.

4

Sambungkan dengan bahagian sisi

- Apabila lapisan belakang selesai, bahagikan bahagian samping (kanan dan kiri) menjadi sekumpulan rambut kecil.
- Tarik rambut sisi ke arah belakang dan guntingkan mengikut garis panduan yang sama, pastikan panjang rambut di bahagian sisi serasi dengan panjang lapisan belakang.

**5**

Mulakan dengan Layer Kedua (Jika Perlu)

Jika ingin menghasilkan lapisan yang lebih bertingkat, ambil sedikit rambut daripada lapisan pertama, tarik ke atas dan gunting dengan sudut sedikit (biasanya 180 derjah) untuk menghasilkan lapisan seterusnya. Ulangi proses ini sehingga semua rambut selesai digunting.

**6**

Periksa Keseragaman

- Selepas selesai menggunting, pastikan lapisan di seluruh kepala adalah seragam. Periksa dari pelbagai sudut dan pastikan tidak ada bahagian yang terlalu panjang atau pendek.

7

Finishing Touch


Jika perlu, buat sedikit penyesuaian pada panjang layer dengan menggunting secara halus di hujung rambut untuk mendapatkan hasil yang lebih ringan dan semulajadi.



8

Sikat dan Periksa Rambut

Setelah selesai menggunting, sikat rambut dengan perlahan untuk memastikan lapisan terasa ringan dan tidak berlapis tebal. Buat penyesuaian akhir jika diperlukan.



Tips Tambahan

- Gunakan teknik "Point Cutting" untuk mencipta lapisan yang lebih lembut dan semulajadi.
- Jaga sudut guntingan: Pastikan sudut guntingan tepat (180 darjah) supaya lapisan menjadi serasi dan tidak terlalu terputus.



Layer 180

darjah





GUNTINGAN RAMBUT PENDEK

GUNTINGAN BOB

GUNTINGAN PIXIE



Step by Step

Guntingan Bob

Guntingan *bob* adalah gaya rambut yang sangat popular kerana ia tampak moden dan mudah dijaga.

Step by Step Guntingan Bob



1 Persiapan awal

Sediakan alatan dan bahan yang diperlukan - gunting, klip rambut, sikat gunting, bottle spray dan keperluan lain.



2 Membasahkan rambut

Basahkan rambut dengan botol spray air untuk memudahkan proses guntingan. Guntingan bob lebih mudah dilakukan pada rambut yang basah atau lembap.



3 Membahagi rambut

Bahagikan rambut menjadi beberapa bahagian (umumnya empat bahagian: kiri, kanan, belakang, dan atas) dengan klip rambut.



4 Menentukan panjang rambut

Tentukan panjang rambut yang diinginkan. Tandakan panjang tersebut pada bahagian belakang leher sebagai panduan. Mulakan dengan menggunting lurus di sepanjang garis yang telah ditentukan di bahagian bawah.

Step by Step Guntingan Bob



5 Menggunting di bahagian belakang

Mulakan guntingan di bahagian belakang kepala, dengan kepala tegak dan rambut dalam posisi semulajadi. Gunakan garis panduan pertama sebagai panduan dan gunting secara lurus atau sedikit *diagonal* bergantung kepada bentuk *bob* yang anda mahu. Pastikan guntingan di belakang adalah rata dan simetri.



6 Menggunting di sisi kiri dan kanan

Ambil sedikit rambut di sisi kiri dan kanan, dan sesuaikan panjangnya dengan garis panduan di bahagian belakang. Pastikan guntingan sisi kiri dan kanan adalah seragam dan simetri dengan bahagian belakang.



7 Semak kesimetri

Setelah selesai menggunting bahagian kiri dan kanan, semak semula kesimetri guntingan di cermin. Pastikan panjang rambut di sisi kiri dan kanan sama dengan bahagian belakang dan tidak ada bahagian yang lebih panjang atau lebih pendek.



8 Potongan Layer (Jika Dikehendaki)

Jika anda ingin gaya *bob* dengan *layer* (lapisan), anda boleh tambahkan sedikit lapisan pada bahagian hujung rambut untuk memberikan tekstur dan kelihatan lebih ringan. Gunakan gunting bergerigi (*thinning scissor*) untuk menghasilkan guntingan yang lebih ringan dan tidak terlalu berat.

Step by Step Guntingan Bob



9 Rapikan dan Periksa Hasil Akhir


Sikat rambut untuk melihat hasil akhir guntingan. Jika ada bahagian yang tidak rata, ambil sedikit lagi dan rapikan. Pastikan guntingan kelihatan rata dan tidak ada rambut yang terlepas. Gunakan sedikit produk rambut seperti *mousse* atau *hairspray* untuk memberi *volume* atau tekstur pada rambut.



Tips Tambahan

Panjang Bob: Pastikan panjang *bob* sesuai dengan bentuk wajah anda. Jika wajah bulat, *bob* yang lebih panjang mungkin lebih sesuai. Jika wajah panjang, *bob* yang lebih pendek di belakang dan lebih panjang di depan (*inverted bob*) akan memberi kesan seimbang.

Jenis Bob: *Bob* juga boleh diubahsuai mengikut gaya yang diingini, seperti *lob* (*long bob*), *bob* lurus, atau *bob* bergelombang.



Bob Haircut *Style*

Cutting *bob* is a hairstyle that is very popular because it looks modern and easy to maintain.

Video Tutorial




Step by Step

Pixie Hair Cut

Guntingan rambut *pixie* adalah gaya rambut pendek yang popular kerana ia memberikan penampilan yang segar, moden, dan bergaya. Guntingan ini biasanya pendek di sisi dan belakang, sementara sedikit lebih panjang di bahagian atas.



Step by Step Pixie Haircut



1

Bahagi Rambut

Mulakan dengan membahagikan rambut kepada beberapa bahagian kecil agar lebih mudah digunting. Biasanya, bahagian rambut dibahagikan kepada 3-4 bahagian: atas, sisi kiri dan kanan, serta belakang. Gunakan klip rambut untuk memegang bahagian rambut yang tidak digunting supaya tidak mengganggu proses guntingan.

2


Membuat garis panduan

Tentukan panjang rambut yang diinginkan. Guntingan *pixie* biasanya lebih pendek pada bahagian sisi dan belakang, dengan sedikit panjang di bahagian atas untuk memberi tekstur. Mulakan dengan bahagian belakang. Gunting sedikit rambut di bahagian belakang sebagai garis panduan (guideline) untuk menentukan panjang keseluruhan guntingan.



3

Gunting bahagian belakang dan sisi



Ambil rambut di bahagian belakang dan gunting dengan gerakan lurus atau sedikit senget mengikut panjang yang diinginkan. Pastikan rambut digunting lebih pendek di belakang berbanding dengan bahagian atas. Guntig bahagian sisi kiri dan kanan secara simetri, sesuaikan dengan panjang garis panduan di belakang. Pastikan kedua-dua sisi adalah seragam dan tidak terlalu panjang atau pendek di antara satu sama lain.

Step by Step Pixie Haircut





4 Gunting bahagian atas

Setelah bahagian belakang dan sisi siap, teruskan dengan bahagian atas. Pada bahagian ini, gunting rambut lebih sedikit demi sedikit, dengan menggunakan sikat dan gunting untuk memastikan guntingan lebih kemas. Gunakan teknik guntingan vertikal (menegak) pada bahagian atas untuk memberi lebih banyak tekstur dan pergerakan pada rambut.

5 Tekstur dan layer


Tambahkan *layer* pada bahagian atas dan depan jika anda mahu guntingan lebih bertekstur dan ringan. Untuk mendapatkan kesan *pixie shaggy*, gunakan gunting bergerigi (*thinning scissor*) untuk memberikan kesan rambut lebih beralun dan ringan di hujung. Jika anda inginkan efek rambut yang lebih berlapis, gunting bahagian depan sedikit lebih panjang dan lebih rendah di sisi untuk memberi kesan wajah yang lebih tirus.



Periksa kesimetrian

Setelah semua bahagian digunting, periksa semula kesimetrian guntingan di cermin. Pastikan rambut di sisi kiri dan kanan adalah seimbang dan tidak ada yang lebih panjang atau lebih pendek. Pastikan juga bahagian belakang kelihatan rapi dan tidak ada bahagian rambut yang kelihatan tidak rata.

Step by Step Pixie Haircut



7 Finishing dan Styling

Setelah guntingan selesai, sikat rambut dengan lembut untuk melihat hasil akhirnya. Jika ada bahagian yang perlu diperbaiki atau dirapikan, lakukan dengan hati-hati. Gunakan produk rambut seperti *wax* atau *pomade* untuk menambah tekstur dan *volume*. Untuk gaya lebih santai, anda boleh menggunakan *spray* tekstur atau *mousse*.

Tips tambahan

- **Jenis Pixie:** Terdapat beberapa variasi guntingan *pixie*, seperti *pixie* dengan *fringe* (poni) di depan, atau *pixie layer* untuk memberi lebih banyak *volume*. Pilihlah gaya yang paling sesuai dengan bentuk wajah dan personaliti anda.
- **Sesuaikan dengan Bentuk Wajah:** Guntingan *pixie* sangat sesuai untuk wajah berbentuk oval, hati, atau segi empat. Jika wajah bulat, anda boleh memilih *pixie* yang lebih panjang di atas dan di depan untuk memberi kesan wajah lebih panjang.
- **Teknik Gunting Bergerigi:** Gunakan gunting bergerigi pada bahagian hujung rambut untuk memberi tekstur lebih halus dan tidak terlalu tebal. Ini akan memberikan kesan ringan pada guntingan *pixie*.



Pixie Hair Cut

Style





TRIVIA GAME


UJI KEFAHAMAN



PENJAGAAN &
PEMELIHARAAN
RAMBUT

10 Tips Merawat & Menjaga Rambut Selepas Gunting

Dengan penjagaan yang betul, rambut selepas guntingan akan kekal sihat, cantik dan lebih mudah diurus.



*"Transform your hair,
transform your life."*

Cuci Rambut dengan Lembut

- Gunakan *shampoo* yang sesuai dengan jenis rambut anda (kering, berminyak, atau normal) selepas guntingan.
- Elakkan menggunakan produk yang terlalu keras atau mengandungi bahan kimia yang kuat kerana rambut yang baru digunting lebih mudah rapuh.
- Jangan terlalu kerap mencuci rambut kerana ia boleh menghilangkan kelembapan semulajadi rambut.



Gunakan Perapi

- Perapi rambut membantu melembutkan rambut dan mengurangkan kekusutan. Pilih perapi yang ringan dan sesuai dengan jenis rambut.
- Perapi *leave-in* atau *serum* juga boleh digunakan untuk memberi perlindungan tambahan pada hujung rambut, terutama jika rambut lebih pendek atau nipis.





Hindari Penggunaan Alat Pemanas yang Berlebihan

- Selepas guntingan, cuba kurangkan penggunaan alat pemanas seperti pengering rambut, pelurus, atau pengeriting. Penggunaan alat panas boleh merosakkan rambut yang baru digunting.
- Jika perlu menggunakan pengering rambut, pastikan suhu tidak terlalu tinggi dan gunakan penyembur pelindung haba.

Rawatan Minyak Rambut

- Minyak rambut seperti minyak argan, minyak kelapa, atau minyak zaitun boleh membantu memberi kelembapan dan nutrisi kepada rambut. Gunakan sedikit sahaja untuk elakkan rambut menjadi berat atau berminyak.
- Urut minyak pada hujung rambut untuk mengelakkan hujung rambut yang bercabang.

Periksa Hujung Rambut Secara Berkala

Walaupun sudah digunting, hujung rambut boleh rosak jika tidak dijaga dengan baik. Pastikan hujung rambut sentiasa terjaga dengan mengguntingnya semula setiap beberapa minggu untuk mengelakkan hujung rambut bercabang.



Pakai Penutup Kepala Jika Terkena Matahari

Paparan langsung sinaran matahari boleh merosakkan rambut, terutama selepas guntingan. Gunakan topi atau tudung untuk melindungi rambut daripada kerosakan UV.

✓ Elakkan Menarik Rambut Terlalu Kuat

Apabila menyikat atau mengeringkan rambut, pastikan anda melakukan dengan lembut. Menggunakan sikat gigi jarang atau berus rambut yang sesuai boleh mengelakkan rambut daripada putus atau rosak.



✓ Dapatkan Pemakanan yang Seimbang

Pemakanan yang sihat memainkan peranan penting dalam kesihatan rambut. Pastikan diet anda mengandungi vitamin dan mineral yang baik untuk rambut, seperti vitamin A, C, E, zinc, dan protein.

Minum Air Secukupnya


Hidrasi adalah kunci untuk rambut yang sihat. Minum cukup air setiap hari untuk memastikan rambut dan kulit kepala tidak kering.



Jaga Keadaan Kulit Kepala

Kebersihan kulit kepala adalah sangat penting. Pastikan kulit kepala tidak berminyak atau berkerak. Anda boleh menggunakan tonik kulit kepala atau rawatan semulajadi seperti jus lidah buaya untuk menjaga kesihatan kulit kepala.

want to
learn more?



SEBARANG
PERTANYAAN ATAU
KOMEN. SILA HUBUNGI
KAMI
n.fardzilawati@gmail.com

Kolej Komuniti Muar
<https://kkmuar.mypolycc.edu.my>

Follow us!

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Muar terlebih dahulu.

TREND TERKINI GUNTINGAN RAMBUT WANITA

Nama penulis :

Noor Fardzilawati Binti Md Nasir
Kolej Komuniti Muar

No eISBN: 978-629-95100-0-0
Terbitan pertama 2024

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Muar
Unit Pembelajaran Digital
Kementerian Pendidikan Tinggi
27-37, Jalan Sulaiman,
Kampung Dato Bentara Luar,
84000 Muar, Johor
No. Telefon. : (06) 953 3966
No. Faks : (06) 953 1168
E-mail : admin@kkmuar.edu.my
Laman Web : <https://kkmuar.mypolycc.edu.my/>

